

Headline	Bekas Pengarah UUM dilantik Rektor KUIN		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Sep 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	16	ArticleSize	102 cm ²
AdValue	RM 3,453	PR Value	RM 10,360



Bekas Pengarah UUM dilantik Rektor KUIN

Alor Setar: Bekas Pengarah Universiti Utara Malaysia (UUM) Kampus Kuala Lumpur, Prof Datuk Mohd Yusof Kasim (**gambar**), semalam diumumkan sebagai Rektor baru Kolej Universiti Insaniah (KUIN) berkuat kuasa 16 September lalu.

Menteri Besar, Datuk Mukhriz Mahathir, ketika mengumumkan pelantikan itu berkata pemilihan Mohd Yusof dibuat berdasarkan pengalaman luas beliau dalam bidang pendidikan, pentadbiran dan pengurusan yang diharapkan dapat membantu KUIN kembali ke landasan betul.

Katanya, panel pilih rektor baru merangkumi tujuh ahli mewakili kerajaan negeri, Kementerian Pelajaran dan Pengajian Tinggi, selain tokoh akademik institusi pengajian tinggi (IPT), sepakat bahawa Mohd Yusof adalah individu yang layak menerajui KUIN.

Terima tawaran

“Beliau adalah bekas Pengarah UUM Kampus Kuala Lumpur dan pernah menjawat jawatan sebagai Naib Canselor di Asia Pacific University of Technology and Innovation (APU).

+ “Beliau datang dengan jawatan dan pengalaman yang tidak boleh dipertikaikan dan saya gembira kerana beliau menerima tawaran menerajui KUIN selaku IPT yang penting di Kedah,” katanya pada sidang media selepas majlis perjumpaan bersama warga pendidikan negeri Kedah di Dewan Seri Negeri di Wisma Darulaman di sini, semalam.

